



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	24/1/2013

TV ALHIJRAH
SEGERAKAN SOLAT

Waktu solat

Kawasan	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Alor Setar	6.15	7.34	1.33	4.54	7.26	8.39
P. Pinang	6.15	7.33	1.33	4.55	7.28	8.41
Kuala Lumpur	6.07	7.28	1.28	4.50	7.25	8.38
Johor Bahru	5.56	7.16	1.19	4.42	7.19	8.32
Kuantan	6.01	7.21	1.23	4.45	7.21	8.33
Kota Bharu	6.12	7.28	1.26	4.47	7.20	8.28

Katakanlah, sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.

(Maksud dari Surah al-An'Am 6:162)

Interaktif

5 berita pilihan tertinggi BH-Online:

1. Justin Bieber pintas Lady Gaga peminat Twitter paling ramai
2. Gempa bumi landa barat Indonesia
3. Pelan damai Palestin
4. SPRM siasat ikut prosedural
5. Gaji penjawat awam naik hingga 5 peratus

Bancian BH-Online:

Apakah cara paling berkesan untuk menghalang pelajar daripada berleluasa menggunakan bahasa ringkas atau bahasa SMS ketika menjawab soalan dalam peperiksaan rasmi?

- 53% Pemeriksa lebih tegas dalam memberi markah peperiksaan
- 18% Wujudkan undang-undang khusus haramkan bahasa SMS di sekolah/IPT
- 17% Haramkan penggunaan telefon bimbit di sekolah/IPT
- 12% Guru/pensyarah diberi kuasa denda/hukum pelajar yang guna bahasa SMS

2 NASIONAL

© KHAMIS 24 JANUARI 2013 BH FF



Najib dan Morsi berbual ketika mengadakan kunjungan hormat, di Kaherah, kelmarin.

[FOTO RAKAMAN TV3]

Lawatan tanda sokongan Malaysia

BH-24/1/2013

» Mesir diharap jadi orang tengah damai Hamas-Fatah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman
Wartawan →

Azhar Mat Ganti
← Jurugambar

► Kaherah

Datuk Seri Najib Razak berkata, lawatannya ke Gaza kelmarin bagi menunjukkan sokongan kuat rakyat dan Kerajaan Malaysia terhadap rakyat Palestin berikutan serangan berterusan lapan hari oleh Israel terhadap Gaza akhir tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, keganasan Israel di Gaza amat menyayat hati rakyat Malaysia dan amat wajar beliau melawat wilayah Palestin itu bagi

menyatakan sokongan terhadap perjuangan mereka.

"Banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysia datang menghulurkan bantuan dan saya datang sendiri untuk melihat apa yang berlaku (kemusnahan). Hampir semua musnah tiada kepentingan ketenteraan, iaitu rumah dan bangunan," katanya.

Justeru, lawatan ini, adalah peluang melahirkan sokongan kepada Hamas dan Fatah me-

ngenai penubuhan kerajaan perpaduan, manakala semua isu antara dua pergerakan itu diselesaikan segera.

Prasyarat untuk Palestin

Beliau berkata, ia penting kerana penubuhan kerajaan perpaduan di Gaza dan Tebing Barat adalah prasyarat untuk rakyat Palestin mencapai matlamat mereka.

Najib berkata, beliau menyampaikan perkara itu kepada Presiden Mesir, Mohamed Morsi, malam kelmarin supaya negara itu menjadi orang tengah untuk perbincangan Hamas-Fatah.

"Morsi memaklumkan bahawa Mesir sudah menetapkan jadual pertemuan kedua-dua pihak untuk menubuhkan kerajaan perpaduan dalam tempoh terdekat," katanya pada sidang media hari terakhir lawatan kerja tiga hari di Mesir sebelum menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2013 di Davos, Switzerland hari ini.

Paling banyak 'retweet'

Sementara itu, Twitter oleh Najib adalah yang paling banyak diulang tulis atau 'retweet' selama lima jam bermula 10 pagi kelmarin.

Kedudukan itu dipaparkan pada skrin besar di Kongres Zentrum Building, iaitu lokasi WEF berlangsung.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berada jauh di depan, meninggalkan Pengarang Sant Jordi Asociados, Paolo Coelho; Perdana Menteri Itali, Mario Monti; kolumnis The New York Times, Nicholas D Kristof dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Right Start Foundation International, Amr Khalid. Mereka adalah peserta forum dan aktiviti Twitter mereka dipantau WEF.